

**KONSEP TIADA PAKSAAN BERAGAMA
DALAM ISLAM
KAJIAN PEMIKIRAN MUHAMMAD RASYĪD**

RIDĀ

MUHAMMAD DUMIDAE

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2011

KONSEP TIADA PAKSAAN BERAGAMA DALAM ISLAM
KAJIAN PEMIKIRAN MUHAMMAD RASYĪD RIḌĀ

Oleh

MUHAMMAD DUMIDAE

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

April 2011

PENGHARGAAN

Tidak terlintas di hati ini perasaan cemburu dan niat untuk bermuka-muka terhadap sesiapa jua dalam menyampaikan penghargaan dan pandangan saya kepada mereka. Akan tetapi, setiap empunya hak itu layak untuk menerima hak mereka.

Maka, setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia utama, Profesor Madya Doktor Muhammad Azizan bin Sabjan. Jika tidak kerana nasihat dan tunjuk ajar yang diberikannya, tidak mungkin kajian ini dapat disempurnakan. Tidak lupa juga buat pihak Universiti Sains Malaysia (USM) kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mencurahkan usaha dan bakti kepada umat Islam serta membuka satu lagi ruang dalam menyampaikan dakwah Islam.

Dan amat salah dan cuailah diri ini jika mengatakan bahawa tesis ini adalah hanya milik dan usaha saya seorang tanpa mengingati jasa isteri yang telah mempertaruhkan dirinya demi menyempurnakan tesis ini. Dan amat memalukan sekali jika terus menulis di sini tanpa menyebut nama-nama yang telah tercetak bersama kitab-kitab tersohor, iaitu para guru, Profesor Doktor Bahā' 'Abd Al-Tawwāb Al-Ṣa'īdī, Doktor Fā'iq Al-Masyhadānī Al-'Irāqī dan Profesor Doktor 'Alī Al-Sayyid Al-Syīmī Al-Fayyūmī. Sungguh alpalah diri ini jika mengakhiri titipan penghargaan tanpa menghadiahkannya buat arwah ibu dan bapa mentua saya yang tersayang. Akan pincanglah segala penghargaan yang dititipkan di sini tanpa memperuntukkannya buat anak-anak saya, Tholhah Al-Fayyadh dan Umar Al-Farouq bin Muhammad Dumidae. Dan semoga sempurnalah semua penghargaan ini setelah saya hadiahkannya buat bapa yang dihormati, Umar bin Abdul Rahman Dumidae dan ibu mentua saya, Cikgu Inun binti Maamar.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
PANDUAN TRANSLITERASI	vi
SENARAI SINGKATAN	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Kajian Lepas	8
1.7 Metode Penyelidikan	15
1.8 Sistematika Penulisan	17
BAB 2 : LATAR BELAKANG HIDUP MUHAMMAD RASYĪD RIḌĀ	
2.1 Biografi Muḥammad RasyĪd RiḌĀ	19
2.1.1 Nama, Nasab, Kelahiran dan Akhlak	19
2.1.2 Pendidikan	25
2.1.3 Guru-guru	32
2.1.4 Kesan Kehidupan Ilmiah Dan Pengaruh Guru-guru	41
2.1.5 Kematian	47
2.1.6 Tarikh-tarikh Penting Dalam Hidup	47
2.1.7 Karya Dan Karangan	48
2.1.8 Kritikan Dan Komentari Ulama Terhadap Beliau	52
2.2 Latar Belakang Politik Muḥammad RasyĪd RiḌĀ	53
2.2.1 Suasana Agama Dan Ilmu Pada Zaman Muḥammad	

Rasyīd Riḍā	58
- Suasana Agama Dan Ilmu Di Syam	58
- Suasana Agama Dan Ilmu Di Mesir	66
- Al-Azhar	81
2.2.2 Suasana Politik Pada Zaman Muḥammad Rasyīd Riḍā	88
- Suasana Politik Kerajaan Uthmani	88
- Suasana Politik Di Syam	103
- Suasana Politik Di Mesir	108

**BAB 3 : HUBUNGAN AYAT ‘لا إكراه في الدين’ (TIADA PAKSAAN
DALAM AGAMA [AL-BAQARAH: 256]) DENGAN
KONSEP PAKSAAN DAN JENAYAH MURTAD**

3.1	Pengertian Paksaan	117
3.1.1	Syarat-syarat Paksaan	121
3.1.2	Jenis-jenis Paksaan	125
3.1.3	Pembahagian Paksaan	127
3.2	Murtad	137
3.2.1	Pengertian Murtad	138
3.2.2	Syarat-syarat Murtad	151
3.2.3	Mengisbatkan Murtad	154
3.2.4	Hukuman Murtad	157

**BAB 4 : TAFSIR AYAT ‘لا إكراه في الدين’ MENURUT MUḤAMMAD
RASYĪD RIḌĀ**

4.1	Tafsir Ayat ‘لا إكراه في الدين’ Menurut Muḥammad Rasyīd Riḍā	172
4.2	Tafsir Ayat-ayat Paksaan Menurut Muḥammad Rasyīd Riḍā	178
4.3	Tafsir Ayat-ayat Murtad Menurut Muḥammad Rasyīd Riḍā	181
4.4	Hukuman Murtad Di Sisi Muḥammad Rasyīd Riḍā	184

**BAB 5 : PENDAPAT ULAMA TENTANG AYAT ‘لا إكراه في الدين’
(TIADA PAKSAAN DALAM AGAMA [AL-BAQARAH:
256])**

5.1	Pendapat Ulama Berkenaan Ayat Paksaan	192
5.2	Pendapat Ulama Berkenaan Ayat Murtad	205
5.3	Hukuman Bagi Jenayah Murtad Di Sisi Ulama	218
5.4	Pendapat Ulama Yang Menyokong Muḥammad Rasyīd Riḍā Dan Hujah-hujah Mereka	223
5.5	Sanggahan Terhadap Pendapat Dan Hujah Mereka	233
5.6	Rumusan Kritikan Terhadap Hujah Muhammad Rasyīd Riḍā dan Pengikut Beliau	257

BAB 6 : KESIMPULAN

6.1	Hasil Kajian	261
6.2	Rumusan Kajian	266
6.2	Penutup	268

BIBLIOGRAFI	270
--------------------	-----

LAMPIRAN	288
-----------------	-----

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh

ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	ʾ
ي	y
ة	h

2. Vokal

a) Pendek	b) Panjang	c) Diftong
َ- : a	َا- : ā	اي : ay
ِ- : i	ِي- : ī	او : aw
ُ- : u	ُو- : ū	

Sumber : *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1-2

SENARAI SINGKATAN

- H : Hijrah
- hlm. : Halaman
- Ibid* : Singkatan daripada *Ibidum*, ertinya sama dengan rujukan yang di atas
- M : Masihi
- r.a : Raḍiyallāhu ‘anhu
- s.a.w : Ṣallallāhu ‘Alayhi wa Sallam
- s.w.t : Subḥānahu wa Ta‘ālā
- SM : Sebelum Masihi
- terj. : Diterjemahkan oleh

KONSEP TIADA PAKSAAN BERAGAMA DALAM ISLAM
KAJIAN PEMIKIRAN MUHAMMAD RASYĪD RIḌĀ

ABSTRAK

Tesis ini membincangkan tentang beberapa pendapat seorang tokoh reformis Islam, Sheikh Muḥammad Rasyīd Riḍā, dalam tafsirnya terhadap ayat ‘ لا إكراه في الدين ’ (tiada paksaan dalam agama [Al-Baqarah: 256]) dan hubungannya dengan jenayah murtad. Tesis ini juga menganalisa perselisihan yang wujud antara pendapat beliau dan pendapat para fuqaha dan ahli tafsir yang lain berkenaan tafsir ayat tersebut termasuklah pendapat berkaitan hukuman bunuh ke atas orang murtad. Tesis ini sangat penting untuk dibahaskan memandangkan masih tiada sebarang penyelidikan khusus yang dilakukan terhadap tafsir ayat tersebut menurut pandangan beliau, begitu juga dengan persoalan hukuman bunuh ke atas orang murtad yang masih dipertikaikan pada hari ini. Tambahan lagi, isu ini perlu dikaji dan dibincangkan memandangkan ia mempunyai impak yang besar terhadap seluruh umat Islam, khususnya masyarakat Muslim di Malaysia. Oleh itu, tesis ini menghimpunkan dan menganalisa pendapat Sheikh Muḥammad Rasyīd Riḍā serta komen-komen beliau terhadap isu konsep tiada paksaan beragama dalam Islam dan hukuman orang murtad. Sumber kajian diperolehi melalui penelitian terhadap karya Sheikh Muḥammad Rasyīd Riḍā, terutamanya karya agung beliau, Tafsir Al-Manār dan Majalah Al-Manār. Hasil kajian mendapati terdapat banyak salah faham yang timbul berikutan penyalahafsiran ayat tersebut. Maka, tesis ini mengengahkan dalil-dalil yang jelas berdasarkan pendapat-pendapat beliau yang bertentangan dengan sarjana Islam yang lain agar isu ini dapat diselesaikan.

THE CONCEPT OF NO COMPULSION IN RELIGION IN ISLAM :
A STUDY OF MUḤAMMAD RASYĪD RIḌĀ’S THOUGHTS

ABSTRACT

This thesis discusses the thoughts and interpretation of an Islamic reformist leader, Sheikh Muḥammad Rasyīd Riḍā on the concept of no compulsion in religion based on the verse “ لا إكراه في الدين ” (there is no compulsion in religion [Al- Baqarah: 256]) and its relations with apostasy. The study also analyzes conflicting ideas and opinions between him and other Muslim scholars on the interpretation of the said verse as well as on the apostasy penalization. The study is of utmost importance as there is no specific research done on his view on the said verse as well as the issue of the apostasy penalization remains disputable until present. Having said the above points, this issue incontrovertibly needs to be analyzed and brought up to light as it has great impact on Muslims the world over especially Malaysian Muslims. The study thus garners and analyzes Muḥammad Rasyīd Riḍā’s thoughts and critical remarks on the issue of no compulsion in religion and apostasy penalization. The sources of research are obtained meticulously from Muḥammad Rasyīd Riḍā’s writings particularly his magnum opus particularly the Tafsīr Al-Manār and Al-Manār Magazine. The study finds that there are so many misunderstandings emerged due to the misinterpretation of this verse. The study thus draw out cogent argumentations based on Muḥammad Rashid Rida’s thoughts vis-à-vis other Muslim scholars views in order to rectify this matter.

BAB 1: PENDAHULUAN

1. PENGENALAN

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas rasul junjungan, Muhammad s.a.w, ahli keluarga baginda dan para sahabat. Semoga Allah merahmati dan memberi petunjuk kepada manusia dalam perselisihan mereka pada perkara – perkara yang benar supaya tidak termasuk dalam golongan yang disebut dalam Al-Qur'an,

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾ الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ
يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ مُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

“Katakanlah, apakah akan Kami beritahukan kepadamu tentang orang-orang yang paling merugi perbuatannya? Iaitu orang-orang yang telah sia-sia perbuatannya dalam kehidupan dunia ini, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka berbuat sebaik-baiknya”

(Al-Kahfi : 103 - 104)

Akhir kurun ini menyaksikan munculnya pendapat- pendapat baru dalam hal - hal keagamaan oleh para pemikir moden yang juga dikenali sebagai *mujaddid* (reformis). Antara mereka ialah Jamāl Al-Dīn Al-Afghānī (1839-1897), anak murid beliau, Muḥammad ‘Abduh (1849-1905) dan penyusun Tafsir Al-Manār, Muḥammad Rasyīd Riḍā (1865-1935). Mereka berpendapat orang yang murtad adalah bebas dari hukuman bunuh, bersandarkan kepada firman Allah,

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

“ tiada paksaan dalam agama... ”

(Al-Baqarah : 256)

Perkara ini berlaku kerana setelah ijmak para ulama yang terdiri dari pengikut Syāfi‘ī, Mālikī, Ḥanafī dan Ḥanbalī dibuat, timbul pula pendapat lain yang membangkangnya lalu membawa kepada perselisihan dalam masalah ini tanpa kata putus yang jelas.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kajian terhadap ayat ‘لا إكراه في الدين’ (tiada paksaan dalam agama) [Al-Baqarah:256] tidak terbatas kepada tafsirannya sahaja, malah turut mengkaji konsep tiada paksaan beragama dalam Islam serta permasalahan lain yang berkaitan dengannya seperti jenayah murtad dan konsep paksaan dalam Islam.

Tafsiran para ulama terhadap ayat ini memberikan kesan yang besar terhadap pemahaman masyarakat terhadap ajaran yang dibawa oleh agama Islam, malah membantu mereka mengerti makna sebenar konsep tiada paksaan atau dalam erti kata yang lain, konsep kebebasan yang ditetapkan oleh Islam terhadap seseorang individu.

Namun, wujudnya sebahagian ulama yang menyalahafsirkan ayat ini telah menyebabkan konsep tersebut diluaskan melebihi batasan yang sebenarnya dan secara tidak langsung mengaitkan ayat ini dengan isu paksaan terhadap seseorang individu sehingga melibatkan permasalahan jenayah murtad dan hukumannya. Menurut pemahaman mereka, ayat ini memberi kebebasan sepenuhnya kepada seseorang individu, termasuklah hak untuk memilih dan menukar agama. Antara yang menyokong idea ini ialah Muḥammad Rasyīd Riḍā, penyusun kitab Tafsir Al-Manār dan Majalah Al-Manār diikuti oleh beberapa orang ulama moden seperti Almarhum Sheikh ‘Abd Al-Mut‘āl Al-Ṣa‘īdī (1894-1958), salah seorang ulama Azhar yang banyak menulis tentang perkara ini, Sheikh Maḥmūd Syaltūt (1893-1963), Sheikh Muḥammad Al-Marāghī dan pendokong utamanya, Jamāl Al-Bannā (lahir pada 1920).

Percanggahan pendapat dalam memahami maksud sebenar ayat ini telah mengelirukan masyarakat, samada muslim mahupun bukan muslim tentang konsep

tiada paksaan dalam agama yang dibawa oleh ayat tersebut serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Hal ini membuka ruang yang luas bagi musuh-musuh Islam untuk mempelbagaikan usaha mereka memecahbelahkan kesatuan umat Islam.

Ini dapat dilihat menerusi pendapat seorang sheikh dan mufti Al-Azhar, Sheikh Maḥmūd Syaltūt dalam kitabnya, *Al-Islām 'Aqīdah wa Syarī'ah*,

“Kadang-kadang sesuatu pendapat dalam permasalahan hukum murtad ini boleh berubah apabila didapati kebanyakan ulama berpendapat bahawa hukum hudud tidak boleh disabitkan dengan Hadis Aḥad dan hukuman bunuh terhadap orang murtad tidak harus dilaksanakan berdasarkan dalil-dalil dari ayat Al-Quran, antaranya ialah ayat ‘ لا إكراه في الدين ’ (tiada paksaan dalam agama) [Al-Baqarah:256]”

Pendapat beliau ini disokong oleh Sheikh ‘Abd Al-Mut‘āl Al-Ṣa‘īdī dalam kitabnya, *Al-Ḥurriyyah Al-Dīniyyah fī Al-Islām*. Menurut beliau, permulaan khilaf ini dan kelebihan adalah kembali kepada Jamāl Al-Dīn Al-Afghānī, Muḥammad ‘Abduh dan juga Muḥammad Rasyīd Riḍā.

Terdapat beberapa orang ulama lagi yang menolak hukuman bunuh ke atas orang murtad berpandukan ayat tersebut, antaranya ialah Sheikh ‘Abd Al-Mut‘āl Al-Ṣa‘īdī dalam kitabnya, *Al-Ḥurriyyah Al-Dīniyyah fī Al-Islām*, Jamāl Al-Bannā dalam kitabnya, *Tajdīd Al-Khiṭāb Al-Dīnī*, *Tajdīd Al-Islām*, *Ḥurriyyah Al-Fikr*, dan Pengerusi Majlis Fiqh di Amerika Syarikat pada tahun 1988, Doktor Ṭāhā Jābir Al-‘Alawānī, penyusun kitab *Isyakāliyyah Al-Riddah*.

Memandangkan kitab Tafsir Al-Manār dan Majalah Al-Manār sudah cukup masyhur, maka tidak disangsikan lagi pendapat-pendapat Muḥammad Rasyīd Riḍā yang terdapat di dalamnya sudah tentu meninggalkan kesan terhadap masyarakat.

Justeru, kajian ini membincangkan tentang peribadi dan kehidupan Muḥammad Rasyīd Riḍā yang banyak mempengaruhi beliau dalam mengeluarkan sesuatu fatwa dan tafsir. Seterusnya, mengkaji berkenaan hubungan ayat ‘ لا إكراه في الدين ’ (tiada paksaan dalam agama) [Al-Baqarah:256] dengan jenayah murtad dengan menjelaskan maksud paksaan dan murtad. Kajian ini juga menyentuh tentang pendapat Muḥammad Rasyīd Riḍā dalam tafsirannya terhadap ayat tersebut dan pendapat beliau dalam permasalahan murtad. Untuk menguatkan fokus kajian dan membuat perbandingan, beberapa analisa juga dibuat terhadap pendapat sebahagian ulama yang menyokong pendapat beliau serta dalil-dalil yang dipegang oleh mereka dan juga pendapat ulama yang menyanggah pemikiran beliau dalam tafsirannya terhadap ayat tersebut serta fatwa beliau mengenai permasalahan murtad. Bagi menjelaskan kembali pelbagai percanggahan, dalil dan hujah yang dikeluarkan oleh setiap pihak, satu rumusan kritikan terhadap fatwa-fatwa Muḥammad Rasyīd Riḍā dan para penyokong beliau juga akan dinyatakan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan latar belakang dan ketokohan Muḥammad Rasyīd Riḍā.
2. Mengkaji hubungkait antara ayat ‘ لا إكراه في الدين ’ (tiada paksaan dalam agama) [Al-Baqarah:256] dengan istilah paksaan dan jenayah murtad.
3. Mengenal pasti konsep tiada paksaan dalam agama menurut pandangan Muḥammad Rasyīd Riḍā.
4. Mengumpul dan menganalisa pendapat para ulama yang menyokong dan menyanggah tafsiran Muḥammad Rasyīd Riḍā terhadap ayat tersebut untuk mendapatkan tafsiran dan konsep sebenar yang terkandung di dalamnya.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian penulis adalah berdasarkan pendapat Muḥammad Rasyīd Riḍā dalam menentukan hukuman murtad dan hujah-hujah beliau serta faktor-faktor yang menyebabkan beliau mengeluarkan pendapat sedemikian, samada dari sudut ilmiah mahupun politik. Disusuli dengan pendapat pengikutnya seperti Dr. Ṭāhā Jābir Al-‘Alawānī (lahir pada 1935), ‘Abd Al-Mut‘āl Al-Ṣa‘īdī dan Jamāl Al-Bannā beserta dalil-dalil yang dikemukakan oleh mereka secara terperinci. Penulis menjelaskan bahawa pegangan mereka hanyalah merupakan taqlid kepada pendapat Muḥammad Rasyīd Riḍā yang berpegang teguh dengan tafsirannya dalam ayat ‘لا إكراه في الدين’ (tiada paksaan dalam agama [Al-Baqarah:256]) dan pada masa yang sama menolak hadis-hadis sahih yang menggariskan hukuman tersebut berlandaskan logik akal. Seterusnya membentangkan sanggahan terhadap pendapat mereka dengan menjelaskan pengertian paksaan dan murtad dari sudut bahasa dan istilah bersandarkan kepada Al-Qur’an, kitab tafsir, hadis, kitab fiqah dan pandangan ulama dalam kitab-kitab yang berkaitan dengan permasalahan ini beserta hujah akal.

1. Al-Qur’an

Al-Qur’an merupakan sumber syariat Islam yang pertama dan muktamad. Walaupun Muḥammad Rasyīd Riḍā dan pengikutnya berpegang teguh bahawa tidak ada ayat Al-Qur’an yang menyebut balasan dunia bagi orang murtad, seperti ayat 217 dari Surah Al-Baqarah, ayat 90 dari Surah Āli-‘Imrān dan ayat 54 dari Surah Al-Mā’idah, tetapi hujah-hujah ini dibatalkan oleh ayat 74 dari Surah Al-Tawbah dan tafsirannya oleh para ulama.

2. Kitab Tafsir

Allah telah menurunkan Al-Qur'an sebagai sumber syariat Islam dan untuk memahaminya dengan lebih mendalam, perlu kepada hadis dan kitab tafsir kerana keduanya berfungsi untuk menjelaskan ayat-ayat Al-Qur'an.

Sepanjang kajian terhadap kitab tafsir yang terlibat, tidak ada pendapat yang mengatakan ayat 'لا إكراه في الدين' (tiada paksaan dalam agama [Al-Baqarah:256]) mempunyai hubungan dengan orang murtad melainkan Tafsir Al-Manār yang disusun oleh Muḥammad Rasyīd Riḍā. Antara kitab tafsir yang membuktikan wujudnya hukuman bagi orang murtad ialah Tafsir Qurṭubī pada ayat ke 74 dari Surah Al-Tawbah dan kitab-kitab tafsir yang lain seperti Aḥkām Al-Qur'ān susunan Ibn Al-'Arabiy.

3. Hadis

Sunnah merupakan sumber kedua bagi syariat Islam selepas kitab suci Al-Qur'an. Ia berfungsi menjelaskan apa yang terdapat dalam Al-Qur'an, memperincikan kandungannya, mengkhususkan perkara-perkara umum yang dinyatakan dalam Al-Qur'an dan mengeluarkan hukum-hukum cabang yang termaktub hukum asasnya dalam Al-Qur'an. Namun, terdapat pihak yang menolak hadis berkaitan hukuman murtad seperti Muḥammad Rasyīd Riḍā dengan alasan ia tergolong dalam peringkat Hadis *Aḥad*. Namun setelah mengkaji, penulis menjumpai beberapa hadis lain yang juga menggariskan hukuman tersebut dan dalil yang menunjukkan bahawa Hadis *Aḥad* boleh dijadikan sebagai sumber hukum syariah. Menurut Dr Yūsuf Qarḍāwī, menolak hadis ahad bererti menolak 95 peratus hukum syariah yang digunakan kerana sumbernya adalah dari Hadis *Aḥad*.

4. Kitab Fiqh

Walaupun Muḥammad Rasyīd Riḍā telah menyalahi ijmak ulama dalam hukum murtad dan mengatakan bahawa ijmak tersebut adalah batil, namun penulis menjelaskan bahawa ijmak tersebut adalah ijmak yang sahih berdasarkan kajian terhadap kitab mazhab empat yang menegaskan bahawa orang murtad wajib dihukum bunuh. Menurut Dr Yūsuf Qarḍāwī, pendapat ini disokong bukan sahaja oleh Mazhab Empat yang utama, bahkan lapan mazhab yang lain.

5. Kitab-kitab lain yang berkenaan.

Banyak kitab yang menjelaskan bahawa orang murtad mesti dihukum bunuh berlandaskan dalil-dali yang dipetik dari Al-Qur'an, hadis dan ijmak ulama. Antaranya ialah, *Jarīmah Al-Riddah wa 'Uqūbah Al-Murtad* oleh Dr Yūsuf Qarḍāwī, *Al-Riddah wa Al-Ḥurriyyah Al-Dīniyyah* oleh Dr. Akram Riḍā dan *Al-Riddah 'an Al-Islām* oleh Dr . Muḥammad Najīb 'Awḍayn.

6. Hujah akal

Tidak dinafikan lagi bahawa setiap kesalahan pasti ada balasannya, samada ia kesalahan kecil mahupun kesalahan besar. Sementara orang yang murtad, telah melakukan kesalahan yang paling besar. Oleh itu, jika dia tidak dihukum dan dibebaskan, keputusan ini secara tidak langsung sama sekali tidak boleh diterima oleh akal.

Sebagai penutup, disenaraikan beberapa implikasi negatif yang timbul akibat dari kesalahan pentafsiran ayat tiada paksaan dalam Islam terhadap masyarakat masa kini.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Tiada kajian secara khusus mengumpul pandangan Muḥammad Rasyīd Riḍā dalam konsep tiada paksaan dalam agama.
2. Kurangnya kesedaran terhadap hubungan ayat yang dikaji dengan jenayah murtad.
3. Tidak ada kata sepakat yang dicapai oleh para ulama dari perbahasan mereka terhadap ayat ini.

1.6 KAJIAN LEPAS

Dalam usaha penulis mencari bahan-bahan rujukan di beberapa buah perpustakaan di tanah air dan di luar negara, masih belum ditemui sebarang karya yang tajuknya sama dengan kajian ini. Namun, masih terdapat beberapa karya yang mempunyai kaitan dengan peribadi Muḥammad Rasyīd Riḍā, ataupun tafsirnya.

A. Athaillah, penulis *Konsep Teologi Rasyid Ridla Dalam Tafsir Al-Manar*¹, telah membuat perbandingan antara pendapat-pendapat Muḥammad Rasyīd Riḍā dalam Tafsir Al-Manār dan pendapat *Mu'azilah, Maturīdiyyah* dan *Asy'ariyyah*. Secara umumnya, beliau mengkaji pendapat Muḥammad Rasyīd Riḍā dalam masalah sifat-sifat Allah, perbuatanNya, kemampuan akal, fungsi wahyu, kebebasan manusia dan takdir Allah serta konsep iman. Menurutnya, dalam masalah sifat-sifat Allah, Muḥammad Rasyīd Riḍā lebih cenderung ke arah pendirian aliran *Asy'ariyyah* dan *Salafiyyah* yang menyatakan bahawa Allah itu bersifat qadim dan azali. Ini bertentangan dengan fahaman *Mu'azilah*. Namun, ada juga pendapat beliau yang bersetuju dengan *Mu'azilah* dan bertentangan dengan *Asy'ariyyah*.

¹ A. Athaillah (2001), *Konsep Teologi Rasyid Ridla Dalam Tafsir Al-Manar*, Disertasi (MA), Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Syarif Hidayatullah, Jakarta

Contohnya dalam masalah perbuatan Allah. Dengan ini, pengarang memberikan gambaran bahawa Muḥammad Rasyīd Riḍā tidak cenderung kepada mana-mana aliran mazhab ketika mengeluarkan pendapat dalam sesuatu masalah. Malah, beliau lebih bergantung pada pengetahuan dan kefahaman beliau sendiri.

Zuhad, dalam karyanya, *Hadis Dalam Pandangan Muḥammad Rasyid Redha: Studi Tentang Nilai Rijal Hadis Dalam Kitab Tafsir Al-Manar*² mengkaji hadis-hadis yang dipilih dan dimuatkan oleh Muḥammad Rasyīd Riḍā dalam tafsir beliau dari segi ada atau tidaknya *mutabi'* atau *syahid* hadis berkenaan ibadah, akidah dan muamalat. Dicatatkan bahawa terdapat 72 hadis dalam tafsir beliau yang diriwayatkan oleh perawi-perawi terkenal seperti al-Bukhari, Muslim, ad-Darimi, Malik dan selain mereka. Menurut pengarang, hadis-hadis ini terbahagi kepada beberapa kategori. Diantaranya ialah *Ṣaḥīḥ li Dhātih*, *Ṣaḥīḥ li Ghayrih*, *Ḥasan li Ghayrih* dan *Dha'if*. Muḥammad Rasyīd Riḍā, menurut pengarang, pada dasarnya mengikuti kaedah-kaedah yang terdapat dalam Ilmu Hadis, tetapi hanya bercanggah pada kaedah yang menyatakan bahawa para sahabat itu adil. Bagi Muḥammad Rasyīd Riḍā, ia adalah kaedah *aghlabiyah* (umum), dan bukan kaedah *muttaridah* (terpencil). *Rasyid Redha Al-Mufasssir*³, karangan Ustaz Ḥasīb Ḥasan Al-Samarrā'i dari Mesir yang telah meraih darjah kecemerlangan menerusi karyanya, dibahagikan kepada tiga bahagian.

Bahagian pertama adalah mengenai tafsir dan bahagian-bahagiannya.

² Zuhad (1996), *Hadis Dalam Pandangan Muhammad Rasyid Redha : Studi Tentang Nilai Rijal Hadis Dalam Kitab Tafsir Al-Manar*, Disertasi (MA), Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Syarif Hidayatullah, Jakarta

³ Ustaz Hasib Hasan as-Samara'i (1970), *Rasyid Redha Al-Mufasssir*, Tesis (Ph.D), Jabatan Tafsir dan Ulum Qur'an, Kuliyyah Usuluddin, Universiti Al-Azhar

Bahagian kedua pula menyentuh tentang sejarah hidup Jamāl Al-Dīn Al-Afghānī, Sheikh Muḥammad ‘Abduh dan Muḥammad Rasyīd Riḍā.

Akhir sekali, bahagian ketiga adalah kajian tentang Tafsir Al-Manār dan manhajnya. Beliau juga menyebut, Muḥammad Rasyīd Riḍā adalah seorang ahli gerakan reformasi, yang juga dikenali dengan *al-mujaddid* dan pada pandangan beliau, Muḥammad Rasyīd Riḍā telah berpendapat bahawa tafsir itu hanya satu pelajaran untuk didikan rohani sahaja.

Ustaz Ḥāzim Zakaria Maḥy Al-Dīn dari Palestin, menerusi karyanya, *Maḥmūm Al-Sunnah Al-Ilāhiyyah ‘inda Rasyīd Riḍā*⁴ memperkenalkan tabiat kehidupan (*sunnatullah*) yang merupakan undang-undang Allah yang telah dijadikan untuk kehidupan sebagai satu undang-undang yang tidak bertukar dan berubah. Karyanya dibahagikan kepada tiga bab dan setiap bab mempunyai dua tajuk utama.

Dalam bab yang pertama, beliau menyentuh pengertian tabiat hidup dalam Islam secara umum, iaitu tabiat hidup dalam Al-Qur’an pada tajuk pertama dan di sisi ulama pada tajuk yang kedua. Bab kedua adalah tentang tabiat hidup di sisi Muḥammad Rasyīd Riḍā dan hubungannya dengan akidah. Dua tajuk di bawah bab ini, masing-masing menyatakan pengertian tabiat hidup dan keperluannya menurut pandangan Muḥammad Rasyīd Riḍā. Bab terakhir pula menerangkan kajian beliau tentang tabiat hidup mengikut individu dan masyarakat dalam pandangan Muḥammad Rasyīd Riḍā. Kedua tajuk tersebut menjelaskan peranan tabiat hidup dalam urusan manusia dan peranannya, samada dalam membangunkan ummah ataupun menjatuhkannya.

⁴ Ustaz Hazim Zakaria Mahyuddin, *Maḥmūm As-Sunnah Al-Ilāhiyyah ‘inda Rasyīd Riḍā*, Disertasi (MA), Kuliyyah Ad-Dirasat Al-Islamiah, Universiti Al-Imam Al-Auza’i, Beirut

Antara karya - karya lain yang berkaitan dengan tajuk kajian ini ialah *Fikr Rasyīd Riḍā Al-Siyāsiy*⁵ (Pemikiran politik Rasyīd Riḍā), *Al-Imam Rasyīd Riḍā wa Juhdihi fi Khidmat As-Sunnah*⁶ (Imam Rasyīd Riḍā dan sumbangannya terhadap sunnah), dan *Muḥammad Rasyīd Riḍā Manhajuhu fī Al-Tafsīr*⁷ (Metod Muḥammad Rasyīd Riḍā dalam bidang pentafsiran).

Menerusi karya-karya yang berkaitan dengan tajuk kajian ini, penulis sedikit sebanyak dapat menggambarkan pendirian Muḥammad Rasyīd Riḍā yang banyak mempengaruhi cara pemikiran beliau dalam memberikan pandangan dan mengeluarkan pendapat tentang sesuatu masalah. Namun, sepanjang kajian dijalankan, belum ditemui karya-karya yang menyentuh tentang ayat paksaan dalam Islam dan pandangan Muḥammad Rasyīd Riḍā terhadapnya secara serentak.

Manakala berkenaan permasalahan murtad pula, terdapat banyak karya yang menyentuh perkara ini. Antaranya ialah kajian bertajuk *Murtad Dalam Islam*⁸ yang ditulis oleh Musa bin Ibrahim bagi mendapatkan Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kajian ini dimulai dengan perbincangan mengenai definisi murtad dalam undang-undang Islam dan menurut Mazhab Empat yang bersepakat bahawa murtad bererti kufurnya seseorang Islam yang telah mengucap dua kalimah syahadah dengan kehendaknya sendiri serta melakukan dan berpegang teguh kepada hukum-hukum Islam. Disusuli dengan kajian tentang murtad mengikut peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama

⁵ Ustaz Syafi'e Mahyuddin Al-Qadiri, *Fikr Rasyid Redha As-Siasiy*, Universiti Al-Imam Al-Auza'i, Beirut

⁶ Ustaz Yusuf Abdul Maqsum Ibrahim (1979), *Al-Imam Rasyid Redha wa Juhdihi fi Khidmat As-Sunnah*, Tesis (Ph.D), Jabatan Hadith, Kuliyyah Usuluddin, Universiti Al-Azhar

⁷ Abdul Rahman Hasan, *Muhammad Rasyid Redha Manhajuhu fi At-Tafsir*, Disertasi (MA), Jabatan Tafsir Dan Ulum Qur'an, Kuliyyah Usuluddin, Universiti Omdurman Al-Islamiah, Sudan

⁸ Musa bin Ibrahim (1989/90), *Murtad Dalam Islam*, Tesis (Diploma), Kuliah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Islam Negeri Sembilan dan didapati tidak ada satu undang-undang murtad yang ditetapkan khusus terhadap kesalahan ini.

Penulis ini kemudian membuka bab seterusnya dengan menukilkan ayat-ayat Al-Qur'an berkaitan murtad, seterusnya membicarakan tentang sebab-sebab murtad dan menyenaraikan faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya murtad. Salah satu darinya ialah kurang didikan agama. Kajian ini juga membahaskan pendapat ulama fiqh dalam menentukan hukum murtad dan membentangkan kes-kes yang telah disabitkan di bawah Enakmen Pentadbiran Negeri Sembilan. Penulis ini mengakhiri kajiannya dengan mencatatkan beberapa kelemahan dan jalan penyelesaiannya.

Ghafani bin Awang Teh dalam kajiannya yang berjudul *Penyelesaian Masalah Murtad (Riddah) Mengikut Perundangan, Penekanan Kepada Negeri Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan*⁹ telah membahagikan kertas kerjanya kepada empat bab. Bab pertama, membincangkan pengertian murtad dan sejarahnya pada peringkat awal pemerintahan Islam. Dinyatakan juga syarat-syarat sah murtad, peruntukkan murtad dalam Al-Qur'an dan Sunnah, dan beberapa peristiwa murtad yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. Bab kedua, menjelaskan implikasi yang berlaku ke atas orang yang melakukan jenayah murtad dari aspek hukuman bunuh yang dikenakan ke atasnya, prosedur *istitābah* atau taubat, status perkahwinannya, kedudukan hartanya dan prosedur sabit kesalahan murtad. Bab ketiga, membentangkan peruntukkan Undang-Undang Murtad dalam Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia dan menyentuh berkenaan sejarah undang-undang tersebut sebelum dan selepas kedatangan penjajah. Perkara lain yang dinyatakan dalam bab ini ialah hak kebebasan beragama yang terdapat dalam

⁹ Ghafani bin Awang Teh (1987/88), *Penyelesaian Masalah Murtad (Riddah) Mengikut Perundangan, Penekanan Kepada Negeri Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan*, Tesis (Diploma), Kuliah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Perlembagaan Malaysia dan membandingkannya dengan syariat Islam. Bab keempat, membuat penilaian, memberikan beberapa cadangan dan diakhiri dengan kesimpulan.

Kajian ilmiah lain yang juga menyentuh isu murtad ialah sebuah tesis yang dikarang oleh Ashaari bin Haji Mohd Yazid bertajuk *Undang-Undang Murtad Di Malaysia*¹⁰. Keseluruhan hasil kajian ini dinyatakan menerusi enam bab yang berasingan. Bab pertama dimulai dengan definisi murtad, diikuti dengan perkara-perkara yang menyebabkan rosaknya iman seseorang dan syarat-syarat sah murtad. Bab kedua, penulis menjelaskan peruntukkan murtad yang terdapat dalam Al-Qur'an dan Sunnah serta peristiwa murtad yang berlaku pada zaman Khulafā' Al-Rāsyidīn. Bab ketiga, membincangkan tentang faktor-faktor yang menyebabkan murtad samada faktor dalaman mahupun faktor luaran. Bab keempat diteruskan dengan perbincangan mengenai hukum murtad, prosedur pensabitan murtad dan implikasinya terhadap status orang murtad. Bab kelima, penulis membentangkan Undang-Undang Murtad di Malaysia, dimulakan dengan sejarah awalnya, diikuti dengan implimentasi undang-undang tersebut di Malaysia pada masa kini dan diakhiri dengan menyatakan Peruntukkan Murtad yang terdapat dalam Undang-Undang Keluarga. Bab keenam merupakan penutup kepada keseluruhan kajian dan penulis membuat penilaian, mengemukakan cadangan dan membuat kesimpulan dari keseluruhan tesis beliau.

Terdapat sebuah kajian ilmiah yang menyentuh persoalan murtad ini dengan lebih terperinci berikutan kajiannya yang terhad dan dikhususkan kepada sebuah negeri sahaja. Kajian tersebut berjudul *Murtad, Kesan Dan Cara Mengatasinya Di*

¹⁰ Ashaari bin Haji Mohd Yazid (1991/92), *Undang-Undang Murtad Di Malaysia*, Tesis (Diploma), Kuliah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

*Sabah*¹¹, oleh Haji Awang Sharin Alimin. Menurut penulisnya, kajian ini telah dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama, beliau memberikan definisi Muallaf (Saudara Baru) dan mengenalpasti motif mereka memeluk agama Islam. Bab kedua, beliau membentangkan usaha pihak-pihak yang berkenaan dalam memberi bimbingan agama terhadap orang-orang muallaf. Bab ketiga, beliau memberikan definisi murtad mengikut hukum syarak, sebab-sebab yang mendorong seseorang supaya murtad dan mencatatkan jumlah bilangan orang yang murtad. Bab keempat, faktor dan alasan mereka bertindak murtad dibahaskan, diikuti dengan menyatakan hukuman ke atas orang murtad, samada seiring dengan apa yang telah digariskan dalam Al-Qur'an, hadis dan pendapat ulama mengenai hal ini. Bab kelima, beliau menyatakan kesan-kesan akibat perbuatan murtad ini terhadap kerajaan, masyarakat dan orang yang murtad itu sendiri. Bab keenam, beliau memuatkan kes-kes murtad yang telah diputuskan oleh Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah. Bab ketujuh, beliau menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi murtad, samada oleh institusi kerajaan mahupun bukan kerajaan. Bab kelapan yang merupakan penutup kepada kajian ini, penulisnya membuat kesimpulan dari semua persoalan yang telah disentuh dan juga mengemukakan beberapa saranan berkenaan cara untuk mengatasi perbuatan murtad.

Setelah membaca dan meneliti kajian-kajian ilmiah berkaitan murtad dan segala permasalahannya, penulis mendapati bahawa hukuman ke atas orang murtad yang ditegaskan oleh penulis-penulis yang lain ialah hukum bunuh, bersandarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w,

من بدل دينه فاقتلوه

“barangsiapa menukar agamanya hendaklah dihukum bunuh”¹²

¹¹ Haji Awang Sharin Alimin (1992/93), *Murtad, Kesan Dan Cara Mengatasinya Di Sabah*, Tesis (Diploma), Kuliah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

¹² *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥabbān*, jil. 10, hlm. 372, Bab: Riddah, Hadis: 4475

Melalui pembacaan dan kajian penulis, sehingga saat ini, kesemua dalil syariat yang dikemukakan dalam mensabitkan hukuman bunuh ke atas orang murtad adalah bersandarkan kepada hadis Nabi s.a.w sahaja. Terdapat juga sebahagian pihak yang mengatakan tidak ada sebarang nas Al-Qur'an yang menunjukkan adanya hukuman dunia bagi orang yang murtad. Namun, setelah membuat kajian yang terperinci berkenaan hal ini, penulis mendapati bahawa dalil hukuman tersebut tidak terbatas kepada dalil sunnah sahaja, bahkan ada ayat Al-Qur'an yang mengisyaratkan wajibnya hukuman tersebut dijalankan, seiring dengan hadis-hadis Nabi s.a.w yang memerintahkan supaya orang yang murtad dihukum bunuh. Perkara ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bab yang akan datang, *insyā Allāh*.

1.7 METODE PENYELIDIKAN

1.7.1 Metode Penentuan Subjek

Metode ini bertujuan untuk menentukan fokus sesebuah kajian ilmiah. Dalam kajian ini, penulis menggunakan metode sampling dalam menentukan subjek yang dikaji dengan menjadikan pemikiran Muḥammad Rasyīd Riḍā terhadap konsep tiada paksaan beragama dalam Islam menerusi Tafsir Al-Manar dan Majalah Al-Manar sebagai subjek kajian, mewakili perbincangan umum mengenai jenayah murtad.

1.7.2 Metode Pengumpulan Data

Metode Pengumpulan Data ialah kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat dan sumber rujukan bagi sesebuah kajian ilmiah. Dalam konteks kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan dengan subjek kajian iaitu Metode Dokumentasi, Metode Sejarah dan Metode Penyelidikan Perpustakaan.

- Metode Dokumentasi

Melalui metode ini, penulis mengumpulkan maklumat dan bahan dalam bentuk penulisan dari sumber utamanya, Tafsir al-Manar dan Majalah Al-Manar, dan sumber-sumber sampingan seperti kitab-kitab klasik dan semasa serta kajian-kajian ilmiah lain yang berkaitan dengan subjek kajian

- Metode Sejarah

Metode ini merupakan kaedah penyelidikan terhadap sesuatu perkara yang berunsurkan sejarah. Penulis telah menggunakan kaedah ini untuk mengumpul maklumat tentang sejarah biografi dan kehidupan Muḥammad Rasyīd Riḍā, suasana politik dan keilmuan yang dilalui oleh beliau serta sejarah asal-usul timbulnya percanggahan pendapat dalam permasalahan hukuman murtad.

- Metode Penyelidikan Perpustakaan

Untuk menyempurnakan usaha pengumpulan data dan maklumat, penulis telah membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan. Antaranya ialah, Perpustakaan Tun Seri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Hamzah Sendut di Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Kolej Universiti Insaniah dan The New Library of Alexandria di Iskandariah, Mesir dan lain-lain

1.7.3 Metode Analisis Data

Semua data yang telah dikumpul kemudian melalui peringkat analisis. Metode yang digunakan adalah bersifat komparatif, iaitu penulis membuat perbandingan antara data-data yang telah diperolehi dari pelbagai sumber kajian untuk mendapatkan satu rumusan terhadap permasalahan yang dibincangkan dalam kajian.

1.8 SISTEMATIKA PENULISAN

Bab Pertama: Penulis menyatakan latar belakang penyusunan kajian. Ia merangkumi sinopsis kajian, penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, permasalahan dan objektif kajian, lingkungan sumber rujukan dan metode penyelidikan yang digunakan sepanjang penyusunan tesis.

Bab Kedua: Penulis menjelaskan tentang peribadi dan kehidupan Sheikh Muḥammad Rasyīd Riḍā, dari aspek ilmiahnya, amalannya, guru-guru beliau serta persekitaran politik dan suasana ilmu yang melingkungi masyarakatnya waktu itu memandangkan keduanya adalah faktor utama yang mempengaruhi beliau dalam memberikan pendapat dan fatwanya.

Bab Ketiga: Penulis menyatakan hubungan antara ayat yang dikaji dengan konsep paksaan dan jenayah murtad. Bab ini membincangkan dengan terperinci konsep paksaan dan jenayah murtad dari sudut pengertian dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan keduanya menurut agama Islam.

Bab Keempat: Penulis menjelaskan tafsiran Sheikh Muḥammad Rasyīd Riḍā terhadap ayat yang dikaji serta tafsiran beliau terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang menyentuh tentang paksaan dan jenayah murtad diikuti dengan hukuman jenayah murtad menurut pandangan beliau.

Bab Kelima: Penulis menerangkan pendapat beberapa ahli tafsir yang lain berkenaan makna dan tafsiran ayat ‘لا إكراه في الدين’ , menjelaskan bahawa ayat tersebut sebenarnya tidak bercanggah dengan hukuman murtad dan menyanggah dakwaan mereka yang sealiran dengan Sheikh Muḥammad Rasyīd Riḍā. Diikuti dengan penjelasan mengenai hukuman murtad, adakah ia merupakan paksaan ataupun tidak? Dan dalam situasi ini, adakah paksaan diharuskan ataupun tidak?

Bab Keenam: Penulis menyatakan hasil kajian berkenaan perselisihan faham yang timbul akibat dari tafsiran ayat ‘لا إكراه في الدين’ yang tidak betul. Diikuti dengan rumusan terhadap keseluruhan kajian untuk kemudahan para pengkaji dan pembaca, dan memberikan mereka manfaat dari sudut ilmiah.

BAB 2: LATAR BELAKANG HIDUP MUḤAMMAD RASYĪD RIḌĀ

2.1 BIOGRAFI MUḤAMMAD RASYĪD RIḌĀ

Untuk mendapatkan gambaran yang sempurna mengenai peribadi beliau, penulis akan menjelaskannya melalui tujuh perkara utama yang perlu diketahui mengenai tokoh ini, iaitu Nama, Nasab, Kelahiran dan Akhlakunya, Pendidikannya, Guru-gurunya, Kesan Dari Kehidupan Ilmiah Dan Pengaruh Guru-Guru Terhadapnya, Tarikh-Tarikh Penting Sepanjang Hidupnya dan Karya Dan Karangannya.

2.1.1 NAMA, NASAB, KELAHIRAN DAN AKHLAKNYA

a) NAMA DAN NASABNYA

Muḥammad Rasyīd Riḍā (1282-1354H/1865-1935M), nama sebenarnya ialah *Muḥammad Rasyīd bin ‘Alī Riḍā bin Muḥammad Syams Al-Dīn bin Muḥammad Bahā’ Al-Dīn bin Manlā ‘Alī*, ketua daerah Qalmun yang berasal dari Baghdad, dari keturunan Al-Ḥusayniy¹³. Beliau adalah dari keturunan Arab yang mulia dan berdarah bangsawan, diwarisi dari keturunan Al-Ḥusayn bin Abī Ṭālib. Keluarga Riḍā terkenal dengan nasab yang mulia ini di Qalmun, dan ia diwarisi oleh

¹³ Khayr Al-Dīn Al-Zarkalī, *Al-A lām, Qāmus Tarājim li Asyhari Al-Rijāl wa Al-Nisā’ min Al-‘Arab wa Al-Musta‘rabīn wa Al-Mustasyriqīn*, Beirut, Lubnan: Dār Al-‘Ilm li Al-Malayīn, cet. 10, jil. 6, hlm. 126. Lihat juga Muḥammad ‘Ammārah, *Al-Masyrū ‘Al-Ḥadāriy Al-Islāmiy*, Kaherah, Mesir: Dār Al-Salām, cet. 1 (2004/2005), hlm 11; Ibrāhīm Aḥmad Al-‘Adawiy, *Rasyīd Riḍā Al-Imām Al-Mujāhid*, Mesir: Al-Mu’assasah Al-Miṣriyyah Al-‘Āmmah, Al-Dār Al-Miṣriyyah, hlm. 19; ‘Abd Al-Raḥmān bin ‘Abd Al-Laṭīf bin ‘Abdullāh Āli Sykh, *Masyāhīr ‘Ulamā’ Najd wa Ghayrihim*, Riyadh: Dār Al-Yamāmah li Al-Baḥth wa Al-Tarjamah wa Al-Nasyr, cet. 2 (1394H), hlm. 486; ‘Umar Riḍā Kahḥālāh, *Muḥjam Al-Mu‘allifīn, Tarājum Muṣannif Al-Kutub Al-‘Arabiyyah*, Beirut, Lubnan: Mu’assasah Al-Risālah, jil. 3, hlm. 293; Fahd ‘Abd Al-Raḥmān bin Sulaymān Al-Rūmiy, *Manhaj Al-Madrasah Al-‘Aqliyyah Al-Ḥadīthah fī Al-Qur‘ān*, Hak Cipta Terpelihara Peribadi, cet. 2 (1403H/1983M), jil. 1, hlm. 170 dan Fahd ‘Abd Al-Raḥmān bin Sulaymān Al-Rūmiy (1404H) *Ittijāhāt Al-Tafsīr fī Al-Qurn Al-Rābi‘ ‘Asyara Al-Hijriy*, Ph.D tesis, Universiti Al-Imām Muḥammad bin Su‘ūd Al-Islāmiyyah, Arab Saudi, cet. 2, hlm. 886

kesemua ahlinya sehingga mereka dikenali dengan gelaran *Al-Masyāyikh*, sebagai tanda penghormatan¹⁴.

Sepanjang kajian berkenaan nasab beliau yang bersambung dengan *Āli Bayt* (keluarga Rasulullah s.a.w), penulis menemui beberapa percanggahan tentangnya. Tāmīr Muḥammad Maḥmūd Mutawallī, seorang pengkaji berkata,

“Tidak ada percanggahan pendapat mengenai nama Sheikh Rasyīd, hanya terdapat sesetengah pihak yang mendakwa nasab beliau berhubung dengan keluarga Nabi s.a.w. sedangkan mereka tidak mempunyai hujah”¹⁵.

Manakala Dr. Ḥasīb Al-Samrā’iy pula berkata,

“Aku telah pergi bertemu dengan keluarga Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā untuk meminta penjelasan mengenai keturunan mereka dan aku tidak menerima sebarang maklumat baru. Kemudian aku kembali ke Najaf dan menyemak buku-buku berkenaan nasab keturunan dan tidak menemui maklumat tentang keluarga Muḥammad Rasyīd Riḍā. Begitu juga dengan nama *Manlā Ālī*”¹⁶.

Sepupu beliau sendiri menafikan hubungan nasab mereka dengan keluarga Rasulullah s.a.w¹⁷. Pengakuan tentang pertembungan Muḥammad Rasyīd Riḍā dari sebelah bapa dan ibunya dengan keturunan keluarga Nabi s.a.w adalah dengan tujuan untuk dipandang mulia oleh orang awam sehingga mereka mendekati diri dengan keluarga ini dan mendengar pendapat mereka dengan baik¹⁸. Kerana inilah Muḥammad Rasyīd Riḍā berkata;

¹⁴ Ibrāhīm Aḥmad Al-‘Adawiy, *Rasyīd Riḍā Al-Imām Al-Mujāhid*, hlm. 19

¹⁵ Tāmīr Muḥammad Maḥmūd Mutawallī, *Manhaj Al-Sheikh Muḥammad Rasyīd Riḍā fī Al-‘Aqīdah*, Jeddah, Arab Saudi: Dār Mājid ‘Asīriy, cet. 1 (1425H/2004M), hlm. 59

¹⁶ Ḥasīb Al-Samarrā’iy, *Rasyīd Riḍā Al-Mufasssir*, Iraq: Jāmi‘ah Baghdād, cet. 1397H, hlm. 283 dipetik dari: Fahd ‘Abd Al-Raḥmān bin Sulaymān Al-Rūmiy, *Manhaj Al-Madrasah Al-‘Aqliyyah Al-Ḥadīthah fī Al-Tafsīr*, hlm. 171

¹⁷ Muḥammad Muḥammad Ḥusayn, *Al-Islām wa Al-Ḥaḍārah Al-Gharbiyyah*, Jordan: Dār Al-Furqān, hlm. 96

¹⁸ Fahd ‘Abd Al-Raḥmān bin Sulaymān Al-Rūmiy, *Manhaj Al-Madrasah Al-‘Aqliyyah Al-Ḥadīthah fī Al-Tafsīr*, Hak Cipta Terpelihara Peribadi, cet. 2 (1403H/1983M), jil. 1, hlm. 171-172

“Keturunan yang mulia ialah apabila ia dihiasi dengan ketakwaan dan sifat istiqamah. Ini menyebabkan seseorang itu menjadi orang yang paling mulia di sisi Allah dan di kalangan manusia”¹⁹.

Ibunya, Fatimah adalah dari keturunan Ḥusayn dari sebelah bapa dan juga ibunya²⁰. Namun, kajian ini tidak bermaksud untuk memanjangkan perincian nasab beliau dan mengkaji samada benar beliau berketurunan Nabi s.a.w ataupun tidak. Tetapi, apa yang penting ialah mengelakkan sebarang tuduhan mengenai keturunan beliau.

Sedia maklum bahawa keluarganya berasal dari Hijaz²¹, kemudian berhijrah ke Baghdad²² dan seterusnya berpindah dan menetap di Qalmun²³.

Muḥammad Rasyīd Riḍā, dalam kehidupannya banyak terpengaruh dengan ibu bapanya. Ini menyebabkan beliau selalu memuji keduanya, seperti kata beliau tentang ibunya;

“Ibuku antara wanita yang baik fitrahnya, paling mulia akhlaknya, isteri yang taat pada suaminya dan menyayangi anak-anaknya”

Dan katanya tentang bapanya pula;

“Bapaku antara lelaki yang paling mulia, cerdas fikirannya dan ringan tangan dalam menghulurkan bantuan”²⁴

¹⁹ Syakīb Arslān, *Al-Sayyid Rasyīd Riḍā aw Īkhā’ Arba’īn ‘Ām(an)*, Kaherah, Mesir: Dār Al-Faḍīlah, hlm. 25

²⁰ Muḥammad Rasyīd bin ‘Alī Riḍā, *Majallah Al-Manār. Muṣābanā bi Al-Wālidah Raḥimahullāhu Ta’ālā*, Mesir: Dār Al-Manār, jil. 1, bil. 32 (Jamadil Akhir 1350/Oktober 1931), hlm. 73

²¹ ‘Abd Al-Raḥmān ‘Āli Sheikh, *Masyāhīr ‘Ulamā’ Najd*, hlm. 486. Hijaz ialah sebuah kawasan yang terletak di barat Kerajaan Arab Saudi pada hari ini. Ulama telah bersepakat bahawa ia dinamakan Hijaz (حجاز), dari perkataan ‘حجز’ yang bermaksud ‘منع’ (menegah, menghalang). Hijaz adalah nama bagi sebuah bukit yang terdapat di sepanjang sempadan antara Tihamah dan Najd. Ia seolah-olah menegah setiap orang dari kedua belah pihak dari bercampur, bererti ia adalah ‘حاجز’ (penghalang) antara keduanya. Kalangan ulama mempunyai banyak pendapat mengenai asal usul namanya ini. Lihat lebih lanjut Yāqut bin ‘Abdullāh Al-Ḥamāwiy Abu ‘Abdullāh, *Muḥjam Al-Buldān*, Beirut: Dār Al-Fikr, jil. 2, hlm. 218

²² Baghdad, sebuah negeri yang terkenal di Iraq. Menurut sesetengah ensiklopedia, makna Baghdad ialah kebun seorang lelaki. ‘Bagh’ ertinya kebun, manakala ‘dad’ pula ialah nama pemilik kebun tersebut. Lihat lebih lanjut *Ibid*; jil 1, hlm. 456

²³ Muḥammad ‘Ammārah, *Al-Masyrū ‘Al-Ḥaḍāriy*, hlm. 11

²⁴ Syakīb Arslān, *Al-Sayyid Rasyīd Riḍā*, hlm. 24

Bapanya meninggal dunia pada Bulan Rejab 1323H bersamaan Bulan September 1905M²⁵. Manakala ibunya pula meninggal dunia pada Bulan Rabiul Akhir 1350H bertepatan Bulan September 1931M²⁶.

- KELAHIRANNYA

Beliau dilahirkan pada Hari Rabu 27 Jamadil Awal 1282H bersamaan 18 Oktober 1865 di desa Qalmun²⁷, kawasan persisiran pantai yang terletak lebih kurang tiga batu²⁸ dari arah selatan Tripoli²⁹, Syam. Beliau membesar dan menimba ilmu dari guru dan ulama di sana³⁰.

- AKHLAKNYA

Peribadi seseorang terbentuk dari dua perkara. Pertama, fitrah atau asal kejadian. Iaitu anugerah yang menyempurnakan peribadinya dengan kebaikan akhlak dan kesederhanaan tingkah laku serta kebaikan yang diwarisi dari ibu bapa

²⁵ Muḥammad Rasyīd Riḍā, *Majallah Al-Manār. Al-Muṣāb Al-‘Aẓīm bi Wālidinā Al-Barr Al-Raḥīm*, bil. 8 (16 Rejab 1323H/15 September 1905M), hlm. 553

²⁶ *Ibid; Muṣābanā bi Al-Wālidah Raḥimahullāhu Ta‘ālā*, jil. 1, bil. 32 (Jamadil Akhir 1350H/Oktobre 1931M), hlm. 73

²⁷ Al-Qalmun, menurut *Al-Farrā’* ialah nama bagi suatu tempat. Lihat Yāqut Al-Ḥamāwiy, *Muḥjam Al-Buldān*, jil. 4, hlm. 391

²⁸ Ibrāhīm Aḥmad Al-‘Adawiy, *Rasyīd Riḍā Al-Imām Al-Mujāhid*, hlm. 19. Lihat juga; Kaḥḥālāh, *Muḥjam Al-Mu‘allifīn*, jil. 3, hlm. 293; Fahd Al-Rūmiy, *Manhaj Al-Madrasah Al-‘Aqliyyah Al-Ḥadīthah fī Al-Tafsīr*, jil. 1, hlm. 172; Syakīb Arslān, *Al-Sayyid Rasyīd Riḍā*, hlm. 23; Al-Zarkalī, *Al-A‘lām*, jil. 6, hlm. 126; Muḥammad ‘Ammārah, *Al-Masyrū‘ Al-Ḥaḍāriy Al-Islāmiy*, hlm. 11; ‘Abd Al-Raḥmān Āli Sheikh, *Masyāhīr ‘Ulamā’ Najd*, hlm. 486; dan Muhammad Rasyīd Riḍā, *Majallah Al-Manār. Al-Sayyid ‘Abd Al-Raḥmān ‘Āsim, Na‘yū Faqīd Al-Islām wa Al-Muslimīn, Al-Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā, Munsyi’ Al-Manār Raḍiyallāhu ‘anh*, jil. 2, bil. 35 (Rabiul Akhir 1354H/1935M), hlm. 154

²⁹ Ibn Basyīr Al-Bakri berkata bahawa *Ṭarāblis* dalam Bahasa Rom dan Greek bermaksud tiga bandar. Orang Yunani pula memanggilnya *Ṭarābalīṭah*, kerana dalam bahasa mereka, ia juga bermakna tiga bandar. *Ṭarā*, ertinya tiga. Manakala *Balīṭah* bererti bandar. Dikatakan bahawa orang yang pertama membinanya ialah *Ocbarros Caesar*. Lihat; Yāqut Al-Ḥamāwiy, *Muḥjam Al-Buldān*, jil. 4, hlm. 25. Tripoli merupakan kawasan tanah rata yang terletak timur Laut Mediterranean dari sebelah utara Lubnan. Cuacanya sederhana panas. Kelebihan Tripoli terletak pada pelabuhannya yang sentiasa sibuk. Ia mempunyai banyak kepentingan, antaranya mengeksport petroleum. Ekonominya bergantung kepada sektor perikanan. Kebanyakan penduduk Tripoli bekerja sebagai nelayan. Lihat; *Al-Mawsū‘ah Al-‘Arabiyah Al-‘Ālamiyyah*, Mu‘assasah A‘māl Al-Mawsū‘ah li Al-Nasyr wa Al-Tawzī‘, cet. 2 (1419H/1999M), jil. 15, hlm. 575-576. Terdapat sebuah lagi bandar di Libya yang bernama Tripoli dan ia tidak mempunyai kaitan dengan kajian ilmiah ini. Tripoli di Libya terkenal di kalangan bangsa Arab sebagai Tripoli Barat dan Tripoli di Syam dikenali dengan Tripoli Timur.

³⁰ Muḥammad Ḥusayn Al-Dhahabiy, *Al-Tafsīr wa Al-Mufasssīrūn*, Kaḥerah, Mesir: Maktabah Wahbah, jil. 2, hlm. 422

dan nenek moyangnya. Kedua, melalui usaha. Iaitu pendidikan yang mantap dan pelajaran yang berfaedah. Kedua-dua faktor ini terdapat pada diri Muḥammad Rasyīd Riḍā³¹.

Beliau menerima pendidikan yang mulia, tidak pernah terikat dengan adat-adat buruk yang memudaratkan seperti merokok dan ketagihan minuman kopi dan teh. Beliau melalui keheningan di desa Qalmun dengan menimba ilmu dan beribadah dengan mengerjakan sembahyang serta membaca dan menekuni Al-Qurʿān. Sejak itu, Muḥammad Rasyīd Riḍā mula berdakwah dengan cara yang halus dan berhikmah. Beliau mempelajari ilmu dengan ikhlas dan menumpukan keinginannya untuk menyempurnakan diri serta menggunakannya untuk memperbaiki persekitaran agama dalam masyarakat. Beliau merupakan pendakwah yang paling gigih dan bijak menyusun strategi untuk menegakkan kebenaran di kalangan pemerintah dan ulama. Hal ini tidak lain adalah kerana beliau berpegang teguh dengan imannya, yakin dengan kebenaran ilmunya serta ikhlas dalam pengajaran dan seruannya³².

Kata Muḥammad Rasyīd Riḍā tentang dirinya;

“ Saya membesar dalam sebuah keluarga yang terhormat, beragama dan bertakwa. Dalam keturunan kami, terdapat beberapa orang yang digelar orang sufi. Disebabkan itu, keturunanku mewarisi sifat cinta kepada ilmu serta petunjuk dan menyiapkan kami pada keduanya. Sewaktu kecil, saya kurang berminat pada permainan dan sangat pemalu. Kerana itulah ketika awal remaja, saya tidak menyertai kanak-kanak lain yang berenang di pantai. Saya menyalin pakaian di belakang batu besar dan selalunya turun berenang seorang diri. Sebab itu, saya tidak berapa mahir berenang kerana kemahiran itu diperolehi menerusi pertandingan.

Sifat malu memberi manfaat kepada diri saya dari sudut adab tingkah laku serta percakapan. Kerana itu saya tidak pernah menuturkan sesuatu yang buruk dan tidak elok. Namun, sifat malu

³¹ Ibrāhīm Aḥmad Al-ʿAdawiy, *Rasyīd Riḍā Al-Imām Al-Mujāhid*, hlm. 19

³² Muhammad Rasyīd Riḍā, *Majallah Al-Manār*. Al-Sayyid ʿAbd Al-Raḥmān ʿĀṣim, *Al-Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā*, jil. 6, bil. 35 (Rejab 1358H/1939M), hlm. 480

dan suka bersendirian ini juga menyebabkan saya lupa banyak nama orang, kerana tidak begitu ambil peduli tentangnya. Sehingga saya hidup selama beberapa tahun bersama pelajar-pelajar yang lain dan saya masih tidak tahu nama mereka.

Saya disifatkan sebagai pelajar bijak yang jarang ditemui, dan saya terdengar bahawa beberapa orang ulama dan orang-orang yang selalu memberi nasihat menyarankan ibu bapa saya supaya mengambil berat tentang pelajaranku. Sementara saya pula hairan dengan hal ini kerana menganggap bahawa saya adalah seorang yang lambat mengingati sesuatu dan tidak menghafal lebih dari satu bait syair sekalipun. Pelajar lain menulis nota untuk dihafal, sementara saya tidak menghafalnya, tetapi memahaminya. Terdapat sesetengah subjek yang memerlukan hafalan, tetapi saya lewat hadir ke kelas subjek tersebut kerana tidak menghafalnya. Saya mencuri dengar hafalan pelajar lain dan mengingatnya dari mereka kerana saya cepat memahami sesuatu dan perkara yang paling menyesak dada ialah apabila guru menyemak pelajaran. Saya tidak mementingkan Bahasa Turki dan Bahasa Perancis namun kemudian menyesal apabila menyedari bahawa keduanya mempunyai banyak faedah dalam berkhidmat kepada agama Islam”³³.

“Saya juga menghindari pergaulan dengan masyarakat umum, melainkan hanya segelintir dari mereka sahaja. Saya tidak membeli sesuatu dari peniaga yang tidak berkira denganku dalam hal jual beli, untuk mengelakkan syak wasangka”³⁴.

“Sewaktu usia awal remaja, saya pergi ke masjid ketika dinihari dan hanya pulang ke rumah selepas matahari naik. Sehingga ibuku berkata, “ Sesungguhnya aku, apabila Rasyīd telah membesar, tidak melihat dia tidur kerana dia tidur selepas kami dan bangun sebelum kami”³⁵.

Demikian secara ringkas mengenai akhlak Muḥammad Rasyīd Riḍā.

Kesimpulannya, beliau ialah seorang yang sangat pemalu ketika kecil, tekun beriktikaf di masjid dan menghadiri majlis ilmu. Ahli keluarganya dikenali dengan tasauf, begitu juga dirinya yang mengikuti ajaran tersebut sejak kecil. Mengenai ilmu tasauf, telah dijelaskan sebelum ini dan ia sangat mempengaruhi keperibadian tokoh ini.

³³ Syakīb Arslān, *Al-Sayyid Rasyīd Riḍā*, hlm. 28-30

³⁴ *Ibid*; hlm. 32

³⁵ *Ibid*; hlm. 40

2.1.2 PENDIDIKANNYA

- PENDIDIKAN AWAL

Muhammad Rasyīd Riḍā melalui zaman persekolahan yang sama seperti kanak-kanak bangsa Arab yang lain, yang mengutamakan pengetahuan agama Islam dan ilmu lain yang berkaitan dengannya. Pelajarannya bermula di sekitar desa Qalmun. Beliau belajar membaca Al-Qur'an, menulis dan mengira. Kemudian memasuki *Madrasah Al-Rasyīdiyyah* di Tripoli, Syam yang merupakan sekolah peringkat rendah. Pembelajarannya dijalankan dalam Bahasa Turki kerana bertujuan untuk melatih lepasannya untuk berkhidmat kepada Kerajaan Uthmani. Namun, Muhammad Rasyīd Riḍā enggan bekerja dengan kerajaan lalu meninggalkan sekolah tersebut selepas belajar di sana selama setahun.

Setelah itu, beliau memasuki *Madrasah Al-Waṭaniyyah Al-Islāmiyyah* di Tripoli pada tahun 1299H (1882M) ketika berumur 18 tahun. Sekolah ini lebih hebat dari *Madrasah Al-Rasyīdiyyah*, dan kesemua subjeknya diajar dalam Bahasa Arab. Ia mengutamakan pengetahuan Bahasa Arab, Syariah, Mantiq, Ilmu Hisab dan Fizik³⁶.

Kata Muhammad Rasyīd Riḍā;

“Saya memasuki *Madrasah Al-Waṭaniyyah Al-Islāmiyyah*. Dan guru kami, Al-^ᶜAllāmah Al-Sheikh Ḥusayn Al-Jasar Al-Azhariy (1262-1327H) merupakan pengetua sekolah tersebut selepas beliau berusaha mengasaskannya. Tetapi Kerajaan Uthmani menolak untuk mengiktirafnya sebagai sekolah agama yang mengecualikan para pelajar dari khidmat tentera (perlu diketahui bahawa setiap pelajar sekolah kerajaan dikecualikan dari khidmat ini). Perkara ini dijadikan alasan untuk menutup sekolah tersebut. Dengan itu, Tripoli terhalang dari menerima manfaat sekolah ini kerana kejahilan kerajaan. Para

³⁶ Ibrāhīm Aḥmad Al-^ᶜAdawiy, *Rasyīd Riḍā Al-Imām Al-Mujāhid*, hlm. 23. Lihat juga Al-Muntadā Al-Islāmiy, *Majallah Al-Bayān*, keluaran pertama pada 1406H (1986M), bil. 11 (Syā'ban 1408H/April 1988), hlm. 8; Muhammad Rasyīd Riḍā, *Majallah Al-Manār. 'Abdullāh Amīn*, bil. 35 (Rabī' Al-Akhīr 1354H/Julai 1935M), hlm. 153; dan Syakīb Arslān, *Al-Sayyid Rasyīd Riḍā*, hlm. 31